



Semua Pegawai Daerah,
Seksyen Sektor, UPEN
Negeri Selangor Darul Ehsan.

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN
BILANGAN 3 TAHUN 2023**

**PELUASAN GARIS PANDUAN PENGGUNAAN PERUNTUKAN
KETUA KAMPUNG, Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti
Kampung (MPKK) dan Ketua Komuniti India (KKI)
NEGERI SELANGOR KEPADA Jawatankuasa Pembangunan
dan Keselamatan Kampung Orang Asli (JPKKOA)**

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Perbendaharaan (PP) ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pegawai Daerah, serta Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Orang Asli (JPKKOA) mengenai peruntukan pembangunan bagi pelaksanaan program untuk memakmurkan komuniti masyarakat Orang Asli.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Negeri Selangor mempunyai seramai 74 Kampung Orang Asli (KOA) di bawah tujuh (7) buah Pejabat Daerah dan Tanah (PDT).

Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke-19/2022 yang diadakan pada 10 Ogos 2022 dan disahkan oleh MMKN ke-20/2022 pada 24 Ogos 2022 telah meluluskan cadangan pemberian Geran Pembangunan kepada JPKKOA yang diperuntukkan sebanyak RM10,000.00 setahun bagi melaksanakan aktiviti atau program di kampung masing-masing bermula tahun 2023.

3.0 PENGGUNAAN PERUNTUKAN

- 3.1 Penggunaan peruntukan ini adalah dikhaskan bagi menampung perbelanjaan pengurusan yang melibatkan penganjuran aktiviti-aktiviti kampung dan program mesra rakyat dan sambutan perayaan.
- 3.2 Bilangan penganjuran aktiviti-aktiviti kampung, program mesra rakyat dan sambutan perayaan keagamaan adalah **tertakluk kepada peruntukan RM10,000.00 setahun sahaja.**
- 3.3 Penggunaan peruntukan ini perlulah mendapatkan perakuan daripada pegawai Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) di daerah terlebih dahulu **sebelum pelaksanaan** aktiviti-aktiviti

kampung dan program mesra rakyat dan sambutan perayaan keagamaan.

- 3.4 Pengeluaran peruntukan JPKKOA adalah seperti Borang A di **LAMPIRAN 1** dan Borang B seperti di **LAMPIRAN 2**.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

- 4.1 Arahan ini berkuat kuasa bermula **Januari 2023** dan dibaca bersekali dengan **Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor (PPNS) Bilangan 5 Tahun 2022**.

Sekian, terima kasih.

“SELANGOR MAJU BERSAMA”
“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menandatangani,



(DR AHMAD FADZLI BIN AHMAD TAJUDDIN) S.M.S, P.C.M, A.M.P
Pegawai Kewangan Negeri
Selangor Darul Ehsan.

Tarikh : **16** Jun 2023

Salinan kepada:

- i. YAB Dato' Menteri Besar Selangor
- ii. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- iii. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan)